

Lima juta pelajar, guru berhimpun

PUTRAJAYA 30 Okt. — Seramai lima juta pelajar dan 300,000 guru di seluruh negara berhimpun serentak di sekolah masing-masing bermula pukul 9 pagi ini bagi mengadakan aktiviti khas tanda penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sempena persaraan beliau sebagai Perdana Menteri, esok.

UM 31 OCT 2003

Aktiviti serentak di semua sekolah melibatkan pembacaan perutusan khas Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat oleh wakil guru di sekolah masing-masing.

Selain itu, aktiviti khas kira-kira dua jam itu turut menampilkan persembahan-persembahan oleh pelajar dan guru, antara-

di sekolah hargai jasa Dr. Mahathir

nya pembacaan surat terbuka pelajar kepada Dr. Mahathir, sajak dan nyanyian koir.

Bagi menunjukkan penghargaan kepada Dr. Mahathir, para pelajar diberi peluang memperlihatkan hasil kerja tangan mereka menerusi kain rentang dan kad ucapan gergasi yang mengandungi kata-kata terima kasih.

Di Putrajaya, hampir 3,000 pelajar termasuk guru dari tiga buah sekolah membabitkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putrajaya 1, Sekolah Kebangsaan (SK) Putrajaya 1 dan SK Putrajaya 4 berhimpun di padang SMK Putrajaya 1 bagi menayakan aktiviti khas sempena persaraan Dr. Mahathir, di sini.